

FOKUS EIMAS

BIL.2/2020

EDISI JULAI – SEPTEMBER 2020

PERSIDANGAN EIMAS DENGAN OYB INDUSTRI & SESI EIMAS BERTEMU PELANGGAN SIRI 1/2020, 16 JULAI 2020

MS.1



Majlis Pelancaran Gimnasium, 28 Julai 2020

MS .5

Perasmian Electronic Vehicle (EV) EIMAS, 28 Julai 2020

MS.9

FOKUS EIMAS

BIL.2/2020

EDISI JULAI – SEPTEMBER 2020

SIDANG REDAKSI EDISI JULAI – SEPTEMBER 2020

PENASIHAT

Puan Siti Zaleha Binti Ibrahim, S.M.S
Pengarah Institut Alam Sekitar Malaysia
(EiMAS)
sz@doe.gov.my

PENGARANG

Puan Rosnani Binti Ahmad Kasrin
Ketua Penolong Pengarah
Pusat Korporat Dan Perpustakaan
rak@doe.gov.my

Encik Mohd Aftar bin Balliah
Ketua Penolong Pengarah
Pusat Kawalan Dan Pengawasan Udara
aftar@doe.gov.my

Puan Kamilah bt Wan Zaid
Ketua Penolong Pengarah
Pusat Penilaian
kamilah@doe.gov.my

Puan Noor Baizura Azizan bt Mohd Ali
Azizan
Ketua Penolong Pengarah
Pusat Kompetensi dan Pensijilan Industri
nba@doe.gov.my

PENYELARAS & REKABENTUK

Puan Mazleen Binti Othman
Pustakawan
Unit Perpustakaan
mazleen@doe.gov.my

Mohd Shafiq Bin Mohd Shakri
Penolong Pustakawan
Unit Perpustakaan
mshafiq@doe.gov

Puan Hillney Binti Sedan
Pembantu Pustakawan
Unit Perpustakaan
hillney@doe.gov.my

FOKUS EIMAS

BIL.2/2020

EDISI JULAI – SEPTEMBER 2020

ISI KANDUNGAN

- 1. Persidangan EIMAS Dengan OYB Industri & Sesi EIMAS Bertemu Pelanggan Siri 1/2020, 16 Julai 2020** MS 1
- 2. Program Kecergasan dan Kesihatan EIMAS Siri 2/2020, 24 Julai 2020** MS 2-4
- 3. Perasmian Electronic Vehicle (EV) EIMAS, 28 Julai 2020** MS 5
- 4. Kursus Course on Inspection of Continuous Emission Monitoring Systems (CEMS) in Industries, 12 Ogos 2020** MS 6-7
- 5. Mesyuarat Penyelarasan Bahagian Penilaian Ibu Pejabat Dan EIMAS Bil.1/2020, 11 Ogos 2020** MS 8
- 6. Majlis Pelancaran Gimnasium EIMAS, 28 Julai 2020** MS 9
- 7. Mesyuarat Pusat Kompetensi Dan Pensijilan Industri (PKPI) Bersama Pengarah Institut Alam Sekitar Malaysia, 9 Julai 2020** MS 10
- 8. Perhimpunan Bulanan Eimas Bil.4/2020, Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Dan Hari Malaysia, 4 September 2020** MS 11-13
- 9. Majlis Pelancaran ICT EDU Centre EIMAS, 2 September 2020** MS 14
- 10. Kursus Pengurusan dan Pelupusan Aset ICT, 2-3 September 2020** MS 16-17



PERSIDANGAN EIMAS DENGAN OYB INDUSTRI & SESI EIMAS BERTEMU PELANGGAN SIRI 1/2020, 16 JULAI 2020

Tempat : Auditorium, EIMAS

**Anjuran:
Pusat Korporat dan Perpustakaan**

Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS) julung-julung kalinya telah menganjurkan Persidangan EiMAS dengan Orang Yang Berwibawa (OYB) Industri dan Sesi EiMAS Bertemu Pelanggan Sesi 1/2020, pada Julai 2020.

Seramai 60 orang peserta yang terdiri daripada OYB Industri dan Penyedia Latihan EiMAS telah hadir untuk bersama-sama berkongsi idea dan pandangan bagi memantapkan lagi program latihan EiMAS dalam pengurusan alam sekitar.

Antara objektif utama program ini diadakan ialah untuk:

- 1) Memberi peluang kepada OYB dan pelanggan EiMAS untuk terus berkomunikasi dengan EiMAS;
- 2) Memberi ruang dan peluang kepada pelanggan EiMAS mengetahui maklumat terkini tentang pematuhan dan pengurusan alam sekitar serta program latihan yang disediakan;
- 3) Memberikan khidmat nasihat, berkongsi pandangan dan cadangan secara dua hala dengan OYB; dan
- 4) Mengeratkan hubungan antara EiMAS dan OYB.

PROGRAM KECERGASAN DAN KESIHATAN EIMAS SIRI 2/2020, 24 JULAI 2020

Tempat: Gelanggang Sukan, EIMAS
Anjuran: Pusat Korporat &
Perpustakaan

Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS) telah mengadakan Program Perhimpunan Bulanan EiMAS Bil./2020 dan Program Kecergasan dan Kesihatan EiMAS Siri 2/2020 yang bertempat di Gelanggang Sukan dan Gimnasium EiMAS pada 24 Julai 2020.

Program ini bertujuan untuk memberi galakan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan EiMAS supaya lebih giat melakukan riadah atau aktiviti fizikal dengan menggunakan peralatan sukan yang baru sumbangan KESUMAS iaitu Kelab Sukan dan Kebajikan EiMAS.

Peralatan sukan yang baru terdiri daripada peralatan memanah, bola untuk sukan bola jaring dan juga raket badminton sebagai tambahan kepada peralatan sukan sedia ada seperti futsal, bola tampar dan juga sepak takraw. Pada hari yang sama juga, pada jam 2.30 petang pula telah diadakan program pemeriksaan kesihatan pegawai-pegawai dan kakitangan EiMAS. Pengiraan Indeks Jisim Badan (BMI), pengukuran tekanan darah, kandungan glukos dan kolesterol dalam darah adalah antara yang diperiksa semasa program tersebut.



Pasukan Memanah
(Pengurus Pasukan: En. Muhammad Shuhada)



Pasukan Badminton
(Pengurus Pasukan: En. Izam Sallehuddin)



Pasukan Bola Jaring
(Pengurus Pasukan: Pn. Jailatul Asma' bt Jamaluddin)



TENTATIF PROGRAM

PERHIMPUNAN BULANAN EIMAS BIL.3/2020

DAN PROGRAM KECERGASAN & KESIHATAN EIMAS

| MASA | PERKARA |
|-----------------|--|
| 8.15 pagi | : Semua warga EIMAS berkumpul di Gelanggang Sukan Pendaftaran Kehadiran dan Minum pagi (ringan) |
| | : Sesi Fotografi <ul style="list-style-type: none"> - Team Memanah - Team Badminton - Team Bola Jaring - Semua warga EIMAS |
| 8.30 pagi | : Senamrobik |
| 9.00 pagi | : Rehat Sukan Santai menggunakan peralatan sukan KESUMAS yang baru |
| 9.15 pagi | : <ul style="list-style-type: none"> - Memanah (Pengurus En. Muhamad Shuhada) - Badminton (Pengurus En. Izam Sallehudin) - Bola Jaring (Pengurus Pn. Jailatul Asmal Jamalauddin) *Persediaan nama pemain dan nama kumpulan dibuat oleh Pengurus Permainan |
| 10.30 pagi | : Rehat Pelancaran Peralatan Gymnasium EIMAS (30 pegawai sahaja) |
| 11.00 pagi | : Warga EIMAS berkumpul di Ruang Legar Gimnasium Bacaan Doa Ucapan oleh YBrs. Pengarah EIMAS Gimik perasmian memotong riben Sesi Fotografi |
| 12.00 tengahari | : Makan Tengahari Program Pemeriksaan Kesihatan |
| 2.45 petang | : Pemeriksaan Tekanan Darah dan Kesihatan |
| 4.00 petang | : Sesi Fotografi |
| 4.30 petang | : Minum Petang dan bersurai |

PERASMIAN ELECTRONIC VEHICLE (EV) EiMAS, 28 JULAI 2020

Tempat : Lobi Utama, EiMAS
Anjuran: Pusat Kawalan &
Pengawasan Udara



Ciri-ciri yang telah dinaiktaraf adalah termasuklah peningkatan kuasa motor, bilangan tempat duduk daripada dua (2) tempat duduk kepada empat (4) tempat duduk dan juga pemasangan empat (4) "brake discs" sebagai ciri tambahan kepada keselamatan EV tersebut.

Projek menaiktaraf EiMAS Vehicle (EV) sedia ada telah dimulakan sejak Jun 2020 dengan inisiatif Pusat Kawalan dan Pencemaran Udara EiMAS. Electronic Vehicle ini merupakan prasarana atau medium pengangkutan yang amat sesuai dan cekap untuk digunakan di dalam kawasan EiMAS yang mempunyai kawasan bercerun dan berbukit.





COURSE ON INSPECTION OF CONTINUOUS EMISSION MONITORING SYSTEMS (CEMS) IN INDUSTRIES, 12 OGOS 2020

Tempat : Bilik Melur, EiMAS
Penganjur : Pusat Kawalan Dan Pengawasan Udara





EiMAS melalui Pusat Kawalan dan Pengawasan Udara telah menganjurkan satu program iaitu ***Course on Inspection of Continuous Emission Monitoring Systems (CEMS) in Industries***. Kursus ini telah diadakan pada 10 hingga 13 Ogos 2020 dan seramai 22 orang peserta telah hadir dari JAS Negeri seluruh Malaysia.

Objektif kursus ini diadakan adalah bertujuan bagi memberi latihan intensif bagi membina kepakaran dan pengetahuan yang lebih praktikal bagi pegawai Jabatan Alam Sekitar dalam menjalankan pemeriksaan ke atas pemasangan dan pengoperasian CEMS di industri.

Kursus ini turut melibatkan sesi perkongsian pengalaman berkaitan audit CEMS dan PEMS dan sesi demonstrasi peralatan mobile CEMS oleh Syarikat Alam Sekitar Malaysia Sdn Bhd (ASMA) bagi mendedahkan peserta dalam membuat audit pemeriksaan dan program jaminan prestasi peralatan CEMS di premis industri.





MESYUARAT PENYELARASAN BAHAGIAN PENILAIAN IBU PEJABAT DAN EIMAS BIL.1/2020, 11 OGOS 2020

Mesyuarat Penyelarasan Bahagian Penilaian Ibu Pejabat dan EIMAS Bil.1/2020 telah diadakan bertujuan untuk membincangkan modul-modul kursus dan halatuju pelaksanaannya di bawah keperluan Skim Pendaftaran Jururunding EIA, Skim Pendaftaran Juruaudit Alam Sekitar dan Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh YBrs. Dr Norhazni Binti Mat Sari, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) Jabatan Alam Sekitar."



MAJLIS PELANCARAN GIMNASIUM EIMAS , 28 JULAI 2020

Tempat: Gimnasium, EIMAS

Anjuran: Pusat Korporat & Perpustakaan



Tarikh : 28 Julai 2020

Tempat : Gimnasium, EiMAS

Anjuran: Pusat Korporat dan Pperustakaan

Selaras dengan usaha menaiktaraf peralatan senaman yang baru untuk Gimnasium EiMAS, satu Majlis Pelancaran Peralatan Gimnasium EiMAS 2020 telah diadakan dan disempurnakan perasmianya oleh Puan Siti Zaleha binti Ibrahim, S.M.S., Pengarah EiMAS pada 28 Julai 2020.

Gimnasium EiMAS telah ada sejak tahun 2001 dan telah dirasmikan pada tahun 2006. Peralatan senaman sedia ada yang lama dan rosak telah dinaiktaraf dengan peralatan senaman yang baharu termasuklah *Trade Mill*, *Elliptical Trainer*, *Recumbent Bike*, *Sit-up Bench*, *Anti-Burst Fitball* dan *Excercise Mats* untuk kegunaan khususnya kepada pegawai-pegawai dan kakitangan EiMAS dan amnya kepada peserta-peserta kursus yang hadir kursus di EiMAS.



MESYUARAT PUSAT KOMPETENSI DAN PENSIJILAN INDUSTRI (PKPI) BERSAMA PENGARAH INSTITUT ALAM SEKITAR MALAYSIA, 9 JULAI 2020



Tempat: Bilik Kenanga, EiMAS

Anjuran: Pusat Kompetensi & Pensijilan Industri

Mesyuarat Pusat Kompetensi dan Pensijilan Industri Bersama Pengarah Institut Alam Sekitar Malaysia telah diadakan pada 9 Julai 2020. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Puan Siti Zaleha Bt Ibrahim, s.m.s. (Pengarah EiMAS), bertujuan untuk membincangkan pencapaian prestasi bilangan OYB industry di Malaysia dan status laporan FTR yang diterima oleh EiMAS.

Mesyuarat ini telah dihadiri oleh semua pegawai dari PKPI yang terdiri daripada KPP Noor Baizura Azizan Bt Mohd Ali Azizan sebagai Ketua Pusat, PKK Siti Fatimah Bt Abdul Rasih, PPKT Noor Huda Bt Mohd Yusof dan PPKK Rosmani binti Mohd Yusoff.

PERHIMPUNAN BULANAN EIMAS Bil.4/2020, SEMPENA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN DAN HARI MALAYSIA, 4 SEPTEMBER 2020

Tempat: Perkarangan Lobby, EIMAS
Anjuran: Pusat Korporat & Perpustakaan



Pada 4 September 2020, EIMAS telah mengadakan Perhimpunan Bulanan EIMAS Bil.4/2020 sempena Sambutan Hari Kebangsaan yang ke-63 dan Hari Malaysia yang ke-57. Di antara program yang dilaksanakan ialah Perarakan Kemerdekaan Warga EIMAS diketuai anggota RELA dari lobi utama ke Bukit EIMAS sambil mengibarkan bendera Jalur Gemilang.

PERHIMPUNAN BULANAN EIMAS Bil.4/2020, SEMPENA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN DAN HARI MALAYSIA, 4 SEPTEMBER 2020

Tempat: Perkarangan Lobby, EIMAS
Anjuran: Pusat Korporat & Perpustakaan



Sambutan ini dihadiri oleh pegawai-pegawai dan kakitangan EIMAS, yang telah di rasmikan oleh Puan Siti Zaleha Bt Ibrahim, S.M.S, Pengarah EIMAS. Satu taklimat bertajuk “Tanggungjawab Rakyat Dalam Menjaga Kedaulatan Undang-Undang Negara telah disampaikan oleh Superintendent Bala Subramaniam dari Ibu Pejabat PDRM Bukit Aman.





Perhimpunan Bulanan
EiMAS BIL.4/2020 sempena
Sambutan **HARI KEBANGSAAN &
HARI MALAYSIA 4 September 2020**

8.00 pagi

Pendaftaran dan sarapan pagi
(Ruang legar Auditorium, Tingkat 1).

8.45 pagi

Semua warga EiMAS berkumpul di Lobi Utama.

9.00 pagi

Ketibaan YBrs. Pn. Siti Zaleha Binti Ibrahim, S.M.S.
(Pengarah EiMAS).

Bacaan doa

Serahan Jalur Gemilang oleh Pengarah EiMAS kepada Anggota RELA.

Perarakan Kemerdekaan Warga EiMAS diketuai oleh Anggota RELA dari lobi utama ke Bukit EiMAS.

Sesi Fotografi di Bukit EiMAS.

Perarakan turun dari Bukit EiMAS ke Lobi Utama EiMAS.

Sesi menaik Jalur Gemilang oleh Anggota RELA diiringi Nyanyian Lagu Negaraku dan Lagu Jalur Gemilang oleh Kumpulan Koir EiMAS.

Ucapan Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2020 oleh Pengarah EiMAS.

Sesi Fotografi.

10.00 pagi

Rehat dan Minum Pagi.

10.30 pagi

Sesi Perkongsian Ilmu di Auditorium EiMAS :

- Tayangan video sorotan sejarah Laungan Kemerdekaan oleh Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Perdana Menteri Malaysia yang pertama.
- Taklimat 'Tanggungjawab Rakyat Dalam Menjaga Kedaulatan Undang-Undang Negara' oleh Superintendent Bala Subramaniam dari Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti, Ibu Pejabat PDRM Bukit Aman.

11.30 pagi

Penyerahan Cenderahati kepada Penceramah.

12.00 tengah hari

Rehat dan Makan Tengah Hari.

2.45 petang

Aktiviti Sukan Santai Pegawai EiMAS di Gelanggang Sukan EiMAS:
- Memanah - Badminton - Bola Jaring - Futsal

4.00 ptg

Bersurai dan Minum Petang.



**KOD
PAKAIAN**

Sesi Pagi : Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia serta Perkongsian Ilmu Baju korporat EiMAS dan seluar hitam (Tudung Merdeka – wanita dan Topi Merdeka - Lelaki)

Sesi Petang : Aktiviti Sukan Santai Pegawai EiMAS Baju Sukan EiMAS (Tudung Merdeka / Topi Merdeka)



MAJLIS PELANCARAN ICT EDU CENTRE EIMAS , 2 SEPTEMBER 2020

Tempat: Aras 1, EIMAS

Anjuran: Unit Teknologi Maklumat

ICT Edu Centre telah dilancarkan oleh Ybrs Puan Siti Zaleha Binti Ibrahim, S.M.S, Pengarah EIMAS pada 2 September 2020. Majlis ini diadakan bagi meraikan penaiktarafan komputer baharu serta berteknologi terkini yang dahulu dikenali sebagai Bilik Seroja kepada ICT Edu Centre bermula pada 15 Ogos 2020. Kelajuan internet juga telah berjaya dinaikkan daripada 10Mpbs kepada 30Mpbs.




MAJLIS PELANCARAN ICT EDU CENTRE EIMAS,

2 SEPTEMBER 2020



Ybrs Puan Siti Zaleha mengucapkan syabas serta setinggi tahniah kepada pasukan projek ICT EIMAS yang telah memberikan komitmen yang tinggi bagi memastikan kejayaan projek-projek ICT.





KURSUS PENGURUSAN DAN PELUPUSAN ASET ICT, 2 – 3 SEPTEMBER 2020

Tempat: Bilik Seroja, EiMAS
Anjuran: Unit Teknologi Maklumat





KURSUS PENGURUSAN DAN PELUPUSAN ASET ICT, 2 – 3 SEPTEMBER 2020

Unit Teknologi Maklumat Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS) telah menganjurkan Kursus Pengurusan dan Pelupusan Aset ICT bertempat di ICT Edu Centre pada 2-3 September 2020.

Objektif kursus ini adalah menambah pengetahuan secara hands on ke atas Sistem Pemantauan Pengurusan Aset (SPPA), meningkatkan pengetahuan mengenai aktiviti penerimaan, pendaftaran dan penempatan serta pelupusan aset kepada pegawai-pegawai EiMAS.

Berdasarkan maklumbalas dari peserta, kursus ini sangat berjaya kerana bukan sahaja menepati objektifnya, malah aspek kualiti kandungan ceramah, nota kursus, teknik penyampaian dan keurusetiaan juga sangat baik.



INSTITUT ALAM SEKITAR MALAYSIA (EIMAS)

Jabatan Alam Sekitar
Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia
Beg Berkunci No. 24
43600 UKM Bangi
SELANGOR



03-8926 1500



03-8926 1700



www.doe.gov.my/eimasv2